



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 JULAI 2022 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 JULAI 2022 (AHAD)

Aktiviti seludup minyak masak lebih serius di Selangor, Johor

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamula.com.my

KUANTAN: Kelantan mungkin didakwa hab penyeludupan minyak masak bersubsidi kerana bersempadan dengan negara jiran tetapi masalah itu lebih serius di Selangor dan Johor.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, apa yang berlaku di Kelantan hanya melibatkan penyeludup bertaraf 'ikan bilis' kerana melibatkan kuantiti kecil.

Tetapi katanya, penyeludup utama ataupun kartel minyak ma-



MOHD. FIRDAUS ABDULLAH

sak bersubsidi yang dianggapnya sebagai 'jerung besar' dikesan berpangkalan di Johor dan Selangor.

"Jerung besar terbabit telah 30 tahun beroperasi, mempunyai gudang, tangki stok menyimpan dan lesen sah eksport minyak masak," katanya.

Malah menurutnya, setiap bulan jerung besar terbabit mengeksport ribuan metrik tan minyak masak bersubsidi ke luar negara antaranya China, India, Afrika dan Asia Barat dengan keuntungan ratusan juta ringgit.

"Mereka bijak mengaburi mata pihak berkuasa dengan lesen eksport sah yang diperolehi, tetapi sebenarnya mereka beli minyak masak bersubsidi daripada pembekal tempatan untuk dieksporth.

"Apabila dieksporth ke luar negara mereka dapat harga antara-

bangsa kira-kira RM9 sekilogram ketika ini. Inilah yang kita katakan jenayah kolar putih," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan para penyeludup minyak masak peket bersubsidi menjadikan Kelantan sebagai hab pengumpulan minyak sebelum memasarkannya ke negara jiran dengan mengaut untung sehingga RM25,000 sebulan.

Itu antara modus operandi segelintir 'tauke' minyak masak yang dikatakan memborong lebih 1,500 tan metrik bahan subsidi tersebut dari luar negeri ini bagi sekali perjalanan.

Harga minyak masak peket bersubsidi Malaysia di Thailand

adalah sekitar RM6.50 hingga RM7 berbanding RM2.50 bagi setiap sekilogram bagi pasaran di negara ini.

Mengulas lanjut, Firdaus berkata, jerung besar terbabit boleh dikesan jika kerajaan segera melakukan kajian dan forensik keseluruhan terhadap semua pemain industri minyak masak sejak lima tahun di seluruh negara termasuk peruncit, pemborong, pengedar, pembungkus dan pengilang.

"Menerusi usaha ini, kerajaan dapat mengenal pasti kartel dan sindiket utama yang memonopoli minyak masak bersubsidi serta merosakkan sistem ekonomi negara," ujarnya.